



SIARAN MEDIA

HARI MITI 2017 (ZON PANTAI TIMUR)

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama-sama agensi-agensi di bawahnya (MIDA, MATRADE, SME CORP, MPC, MIDF, SME BANK, HDC, MAI & MSI) mengadakan Program “Hari MITI 2017” (Zon Pantai Timur) pada 19 November 2017 (Ahad) bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang bertempat di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed, Menteri MITI. Lebih 5,000 pengunjung telah menghadiri program tersebut terdiri dari kalangan PKS, kedutaan asing, pelajar university yang bakal menamatkan pengajian mereka, graduan baharu, ahli-ahli persatuan/Dewan-dewan perniagaan, pelabur Bumiputera dan rakyat tempatan.

Kali pertama Hari MITI telah diadakan pada 17 Oktober 2016 di Menara MITI Kuala Lumpur manakala tahun ini program yang sama peringkat Zon Utara telah diadakan pada 6 Mei 2017 di Meru, Ipoh, Perak.

Tujuan Hari MITI 2017 (Zon Pantai Timur) diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan di antara MITI serta agensi dengan orang ramai dan mempamerkan fungsi MITI dan agensi yang meliputi segenap aspek kehidupan seharian. Antara peranan MITI serta agensi adalah :

- i) Merancang, menggubal serta melaksanakan dasar-dasar pembangunan industri, perdagangan antarabangsa serta pelaburan;
- ii) Menggalakkan pelaburan luar dan dalam negara; dan
- iii) Meningkatkan produktiviti serta kompetensi negara di dalam sektor pembuatan

Program MITI Day 2017 (Zon Pantai Timur) adalah berkonsepkan rakyat, dimana program kali ini dibahagikan kepada empat (4) konsep utama iaitu Seranta (Outreach), Keusahawanan, Peluang Pekerjaan dan Pelaburan. Antara pengisian program adalah seperti berikut:



- i. MITI & Agencies Showcase;
- ii. Dialog TN50 & Sesi Town Hall PKS bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed.
- iii. Pameran Automotif – demonstrasi kereta model baharu oleh MAI;
- iv. Pameran Kerjaya & Sesi Temuduga Terbuka oleh MIDA yang menawarkan lebih 2,000 peluang pekerjaan di seluruh Negara. Antara 27 syarikat yang telah mengambil bahagian termasuk Silterra, Inari Amertron, Ain Medicare, Malaysia Rail Link, Gardenia, Yakult, Coca-Cola, D&Y Textile, Rubberflex Sdn. Bhd., Admal Aviation College, UPC Chemicals, JTK Negeri Kelantan, ASJ Components, Tok Balik Supply Base, Kilang Makanan MAMEE, Rohm-Wako Electronics, QSR Brands, V.S Industry, Konsortium E-Mutiara, Nationwide Express dan Lulu Group Retail.
- v. Kaprul Bumiputera yang mempamerkan pencapaian usahawan-usahawan Kelantan yang dibantu dan dibimbing MITI/agensi.
- vi. Program Mari Nego Caro MITI, Pakat Mari Tanya MITI dan Infodesk/Help Booth anjuran MITI (ASEAN), MATRADE, HDC & JAKIM;
- vii. Program e-Dagang Go-Global with Google bertujuan membantu PKS tempatan untuk mengaplikasi teknologi digital bagi tujuan menerokai pasaran global;
- viii. Program 'Jom Labur' bersama Tuan Haji Asri Ahmad, Ikon Bursa Malaysia yang berkongsi tips serta kemahiran mengenai pelaburan saham dalam misi memperkasakan pemilikan ekuiti di kalangan Bumiputer ; dan
- ix. Seminar Peluang Pelaburan dan Pembangunan PKS Kelantan oleh MIDA pada 20 November 2017

Menariknya pada kali ini ialah buat julung kalinya diadakan DIALOG TN50 & SESI TOWN HALL PKS BERSAMA YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED, bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat berdialog secara langsung bersama YB Menteri dan seterusnya mengumpul pandangan serta aspirasi peserta dan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai agenda pembangunan perdagangan dan perindustrian Malaysia termasuk Industri 4.0, e-Dagang dan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ), serta inisiatif Kerajaan dalam pembangunan PKS di Malaysia.

Penganjuran Hari MITI 2017 (Zon Pantai Timur) diharapkan mampu memupuk kefahaman yang lebih baik kepada pelanggan dan masyarakat tentang fungsi serta peranan MITI dan agensi seterusnya mengurangkan jurang di antara agensi kerajaan serta rakyat, selaras dengan pendekatan kerajaan yang berteraskan perkhidmatan kepada rakyat.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

-TAMAT-

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
19 November 2017

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082
Fax +603 6206 4293
E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my